

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS
@ TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Kempen Pemilikan Rumah 2019 atau "*Home Ownership Campaign*" (HOC) 2019 sebagai salah satu inisiatif perumahan di bawah Bajet 2019 dalam mengurangkan jumlah hartanah yang tidak terjual di dalam pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Belanjawan 2019 telah memperlihatkan usaha Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat dan mengurangkan bilangan rumah atau hartanah yang belum terjual menerusi Kempen Pemilikan Rumah Kebangsaan. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan *Home Ownership Campaign* (HOC) di seluruh negara agar secara langsung diharapkan dapat meningkatkan kebolehmilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia.

NO SOALAN : 25

2. Melalui penganjuran HOC ini juga, pelbagai insentif telah diberikan oleh Kerajaan bagi meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat. Sehingga 11 November 2019, sebanyak 27,823 unit rumah telah dijual sepanjang penganjuran HOC yang melibatkan nilai jualan sebanyak RM17.657 bilion (jumlah jualan setelah ditolak diskaun).

Sekian, terima kasih.